

MANUAL AKREDITASI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

2020



MANUAL AKREDITASI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH

2020

LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA
Aras 6, Blok F5, Parcel F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62675 Putrajaya

ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi LPBM	iii
Prakata Pengerusi Majlis Akreditasi Perancang Bandar LPBM	iv
Singkatan Nama	v

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538)	1-1
1.2 Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)	1-1
1.3 Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM	1-2
1.4 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	1-3
1.5 Manual Akreditasi Program Perancangan Bandar dan Wilayah	1-3
1.6 Program Perancangan Bandar dan Wilayah	1-3
1.7 Kelebihan Perakuan Akreditasi	1-3

BAB 2 PERINGKAT PROGRAM

2.1 Program Pengajian Diploma – Aras 1 (Level 1)	2-1
2.2 Program Pengajian Sarjana Muda – Aras 2 (Level 2)	2-2
2.3 Program Pengajian Sarjana – Aras 2Khas (Level 2 Special)	2-4

BAB 3 KRITERIA PENILAIAN

3.1 Kriteria 1 : Objektif Program Pengajian	3-1
3.2 Kriteria 2 : Implementasi Pendidikan Berasaskan Hasil (<i>Outcome Based Education – OBE</i>)	3-1
3.3 Kriteria 3 : Kurikulum Akademik	3-1
3.4 Kriteria 4 : Penilaian Pelajar	3-5
3.5 Kriteria 5 : Penentuan Kualiti Pelajar	3-5
3.6 Kriteria 6 : Polisi Pengambilan Pelajar dan Statistik	3-5
3.7 Kriteria 7 : Kakitangan Akademik dan Sokongan	3-6
3.8 Kriteria 8 : Kemudahan dan Kelengkapan	3-7
3.9 Kriteria 9 : Kualiti Sistem Pengurusan	3-7
3.10 Kriteria 10 : Kajian Pasaran dan Tracer Study	3-7

ISI KANDUNGAN

BAB 4 AKREDITASI

4.1 Proses Akreditasi	4-1
4.2 Akreditasi Sementara (<i>Provisional Accreditation</i>)	4-1
4.3 Akreditasi Penuh (<i>Full Accreditation</i>)	4-1
4.4 Audit Pematuhan	4-1
4.5 Ahli Panel Penilai Majlis Akreditasi Perancang Bandar LPBM	4-5
4.6 Peranan Ahli Panel Penilai	4-5
4.7 Lawatan Penilaian Akreditasi	4-6
4.8 Penilaian Akreditasi	4-10
4.9 Laporan Penilaian Akreditasi	4-15
4.10 Penilaian Akreditasi	4-16
4.11 Rayuan	4-16
4.12 Kerahsian dan Konflik Kepentingan	4-16
4.13 Bayaran Fi	4-17

BAB 5 DOKUMEN AKREDITASI

5.1 Kandungan Dokumen	5-1
-----------------------	-----



**DATO' TPr HJ. MOHD
ANUAR BIN MAIDIN**
*Pengerusi
Lembaga Perancang
Bandar Malaysia.*

PERUTUSAN

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan penerbitan Manual Akreditasi Program Perancangan Bandar & Wilayah ini. Penerbitan manual ini merupakan satu inisiatif oleh Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) yang amat bertepatan dengan peranan LPBM sebagai badan profesional dalam mengawal selia bidang perancangan bandar di Malaysia. Selain itu, ianya juga merupakan langkah LPBM untuk mengukuhkan program perancangan bandar yang telah ditawarkan di peringkat Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) agar terus kekal bersaing bagi mengelakkan ianya menjadi tidak relevan di masa hadapan.

Manual ini mengandungi maklumat mengenai proses dan prosedur yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan akreditasi terhadap PPT yang menawarkan program perancangan bandar dan wilayah. Saya berharap agar manual ini dapat memberi manfaat kepada pengguna nanti.

Di akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM dan semua pihak yang telah mengambil daya usaha yang cemerlang untuk menerbitkan Manual Akreditasi Program Perancangan Bandar & Wilayah ini.



**TPr HJ. IHSAN BIN
ZAINAL MOKHTAR**
Pengerusi
Majlis Akreditasi
Perancangan Bandar
LPBM.

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya dapat menyiapkan Manual Akreditasi Program Perancangan Bandar & Wilayah ini.

Pada tahun 2019, Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) telah memberi mandat kepada Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM untuk menyediakan manual berkaitan proses dan prosedur akreditasi sebagai panduan serta rujukan utama kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Pengiktirafan akreditasi merupakan elemen penting kepada PPT bagi memastikan program yang ditawarkan selari dengan keperluan semasa dan kekal relevan di masa hadapan.

Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM telah ditubuhkan oleh LPBM untuk bertanggungjawab dalam menjalankan akreditasi program perancangan bandar dan wilayah yang ditawarkan PPT. Majlis Akreditasi ini bertindak sebagai Jawatankuasa Teknikal Bersama selaras dengan keperluan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679].

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah membantu Majlis Akreditasi menerbitkan manual ini. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam memberi sumbangan idea yang tidak ternilai seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Sains Malaysia (USM), Politeknik dan Urus Setia LPBM. Semoga usaha murni ini mencapai objektif yang diharapkan.

SINGKATAN NAMA

APP	Ahli Panel Penilai
CAD	Computer Aided Design
GIS	Geographical Information System
LPBM	Lembaga Perancang Bandar Malaysia
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia



MANUAL AKREDITASI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH

1.0 PENGENALAN

1.1 AKTA PERANCANG BANDAR 1995 (AKTA 538)

Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran Perancang Bandar dan bagi maksud yang berkaitan dengannya. Akta 538 telah mendapat persetujuan Diraja pada 19 Oktober 1995 dan diwartakan pada 2 November 1995.

1.2 LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA (LPBM)

Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta 538 berkuat kuasa pada 1 Januari 1996. LPBM merupakan badan profesional yang mengawal selia profesion Perancang Bandar dalam menjalankan amalan sebagai perancang bandar di Malaysia.

Menteri yang bertanggungjawab dengan perancangan bandar dan desa hendaklah melantik Anggota LPBM bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun. Selain itu, seorang Pendaftar Perancang Bandar hendaklah dilantik oleh Menteri untuk menyimpan serta menyelenggara daftar bagi Perancang Bandar berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar.

Fungsi Lembaga merangkumi:

- i. Menyimpan dan menyenggara Daftar;
- ii. Meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran di bawah Akta ini;
- iii. Menetapkan skala fi yang akan dicajkan oleh Perancang Bandar berdaftar bagi nasihat profesional dan khidmat profesional yang diberikannya;
- iv. Menentukan etika profesion;
- v. Mengawal selia tatakelakuan profesion;
- vi. Mendengar dan memutuskan sendiri atau melantik suatu jawatankuasa atau penimbang tara untuk mendengar dan memutuskan pertikaian berhubungan dengan tatakelaluan profesional dan etika profesional Perancang Bandar berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar;
- vii. Mewakili profesion dalam apa-apa perkara yang perlu atau suai manfaat;
- viii. Memeriksa, membuat laporan dan syor mengenai perundangan semasa dan apa-apa perkara lain yang menyentuh profesion kepada kerajaan, pihak berkuasa awam atau institusi, badan atau pertubuhan yang pada masa ini mewakili profesion;
- ix. Melantik suatu panel, jika diperlukan sedemikian, untuk menjalankan peperiksaan bagi penerimaan masuk ke profesion itu, yang terdiri daripada seorang anggota Lembaga dan Perancang Bandar yang ditentukan oleh Lembaga;
- x. Melantik seseorang untuk mewakilinya dalam sesuatu badan atau panel pemeriksa yang boleh dilantik oleh sesuatu institut, badan atau pertubuhan yang pada masa ini mewakili profesion;
- xi. Membuat syor kepada pihak berkuasa yang relevan berhubungan dengan apa-apa peperiksaan untuk kelayakan bagi penerimaan masuk ke profesion;
- xii. Melantik anggota Lembaga untuk menganggotai sesuatu lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesion; dan
- xiii. Melantik anggota Lembaga untuk menganggotai lembaga badan profesional lain sebagaimana yang perlu.

1.3 MAJLIS AKREDITASI PERANCANGAN BANDAR LPBM

Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM telah ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan akreditasi program perancangan bandar dan wilayah yang ditawarkan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Majlis Akreditasi ini juga berfungsi sebagai Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) selaras dengan keperluan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679].

Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM juga berperanan untuk membuat suatu syor perakuan untuk dipertimbangkan sebelum memperakukan akreditasi program PPT kepada LPBM selaras dengan peruntukan Seksyen 51 Akta 679. LPBM mempunyai hak untuk menerima atau menolak syor perakuan oleh Majlis Akreditasi Perancang Bandar LPBM.

Ahli Panel Penilai (APP) bagi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM terdiri daripada:

- i. Pengerusi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM (anggota LPBM iaitu Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia);
- ii. Wakil dari Anggota LPBM;
- iii. Wakil dari Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP);
- iv. Wakil dari Institut Pengajian Tinggi dalam bidang Perancangan Bandar;
- v. Wakil dari PLANMalaysia;
- vi. Wakil dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); dan
- vii. Wakil dari mana-mana agensi yang difikirkan perlu dari masa ke semasa.

LPBM telah menetapkan fungsi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM adalah seperti berikut:

- i. Menjalankan akreditasi bagi program pengajian perancangan bandar;
- ii. Menggubal dan mengemaskini polisi dan kriteria akreditasi;
- iii. Meluluskan garis panduan dan prosedur yang terperinci untuk akreditasi melalui Manual Akreditasi;
- iv. Melantik ahli-ahli panel penilai;
- v. Menerima laporan penilaian ke atas program-program perancangan bandar dan menentukan penilaian akreditasi;
- vi. Memberi respon ke atas segala aduan atau rayuan yang berkaitan dengan proses akreditasi dan terhadap apa-apa cadangan untuk perubahan;
- vii. Melaporkan perjalanan akreditasi mengikut kesesuaian dan mengesyorkan perubahan kepada polisi Lembaga yang berkaitan dengan akreditasi;
- viii. Menyebarluaskan perkembangan dan amalan terbaik perancangan bandar dan wilayah;
- ix. Menasihati Lembaga mengenai kenyataan awam yang perlu dibuat berhubung dengan pendidikan perancangan bandar; dan
- x. Menyelia pembangunan dan operasi akreditasi di negara-negara lain dan membuat pengesyoran kepada Lembaga apabila perlu;
- xi. Menguruskan pengiktirafan program perancangan bandar bagi permohonan bukan warganegara yang ingin menjalankan praktis di Malaysia; dan
- xii. Berkerjasama dengan MQA dan menyelaras proses akreditasi untuk program perancangan bandar.

1.4 AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah ditubuhkan pada 1 November 2007 setelah penguatkuasaan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan rujukan kriteria serta standard kelayakan kebangsaan.

1.5 MANUAL AKREDITASI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

Manual Akreditasi Program Perancangan Bandar dan Wilayah (atau yang setara) disediakan oleh LPBM untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada PPT bagi permohonan akreditasi program pengajian. Manual akreditasi juga bertujuan untuk memastikan keseragaman dan kualiti yang standard untuk tatacara proses akreditasi program dalam bidang perancangan bandar dan wilayah.

Manual akreditasi ini terpakai kepada mana-mana PPT yang menawarkan program perancangan bandar dan wilayah sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Politeknik. PPT yang ingin membuat permohonan akreditasi daripada LPBM hendaklah mematuhi proses, keperluan dan kriteria yang terkandung dalam manual ini.

1.6 PROGRAM PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

Program pengajian perancangan bandar dan wilayah ini telah ditawarkan oleh PPT bertujuan untuk menghasilkan graduan profesional atau separa profesional dalam bidang perancangan bandar dan wilayah (atau setara). Sehingga kini, terdapat enam (6) PPT yang menawarkan program ini di peringkat diploma, sarjana muda dan sarjana iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Politeknik.

1.7 KELEBIHAN PERAKUAN AKREDITASI

Perakuan akreditasi yang diperolehi oleh PPT terhadap program yang ditawarkan mempunyai beberapa kelebihan seperti berikut:

- i. Program pengajian dan kelayakan tersebut telah melalui proses jaminan kualiti yang selaras dengan standard dan kriteria yang ditetapkan oleh LPBM dan MQA;
- ii. Memudahkan pemindahan kredit untuk ke peringkat pengajian seterusnya, walau bagaimanapun pemindahan kredit subjek tertakluk kepada syarat-syarat dan keputusan muktamad PPT berkaitan;
- iii. Menyediakan asas penyetaraan keayakan untuk melanjutkan pengajian di institusi tempatan atau luar Negara;
- iv. Mbolehkan pelajar dipertimbangkan untuk pelantikan ke perkhidmatan awam; dan
- v. Memudahkan pelajar mendapat bantuan kewangan seperti layak dipertimbangkan untuk mendapat pinjaman daripada agensi pembiayaan.



MANUAL AKREDITASI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH

2.0
PERINGKAT
PROGRAM

Terdapat tiga (3) peringkat program pengajian yang layak untuk memohon perakuan akreditasi iaitu:

- i. Diploma – Aras 1 (Level 1);
- ii. Sarjana Muda – Aras 2 (Level 2); dan
- iii. Sarjana – Aras 2 Khas (Level 2 Special).

2.1 Program Pengajian Diploma – Aras 1 (Level 1)

Perakuan Akreditasi Aras 1 ini adalah perakuan terhadap program pengajian diploma yang menghasilkan graduan bidang perancangan bandar. Ianya bertujuan untuk memastikan setiap graduan dilengkapi dengan pengetahuan teori perancangan dan kemahiran teknikal yang berkualiti serta memenuhi keperluan semasa dalam bidang perancangan bandar dan wilayah. Lazimnya, graduan diploma berpeluang bekerja sebagai penolong pegawai perancang bandar (separa profesional). Segala pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh graduan amat berguna untuk membina kerjaya atau pun melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang perancang bandar dan wilayah. Syarat minima kemasukan program diploma ini adalah:

SYARAT AM PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

- Memiliki SPM atau yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat tiga (3) kepujian termasuk Bahasa Melayu DAN
- Lulus Sejarah (diguna pakai bermula SPM 2013)

SYARAT KHAS PROGRAM UNTUK LEPASAN SPM

- Memenuhi SYARAT AM PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran berikut :
 - Matematik / Matematik Tambahan
 - Fizik / Kimia / Biologi / Sains Tambahan / Sains
 DAN
- Lulus Bahasa Inggeris
- DAN
- Tidak rabun warna.

atau

SYARAT KHAS PROGRAM UNTUK LEPASAN POLITEKNIK/INSTITUSI LAIN

- Lulus Sijil Politeknik atau Institusi lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya HPNG 2.75
- Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat empat (4) kepujian termasuk :
 - Kepujian Bahasa Melayu
 - Kepujian Matematik / Matematik Tambahan
 DAN
- Lulus Bahasa Inggeris
- DAN
- Tidak rabun warna.

atau

PENGALAMAN	PEMBELAJARAN	BERASASKAN	PENGALAMAN
TERDAHULU/ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING (APEL)			

- Lulus MQA (ujian Aptitud dan Penilaian Portfolio)
- Berumur tidak kurang daripada 20 tahun pada tahun permohonan
- Pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun
- Lulus temu duga peringkat fakulti

2.2 Program Pengajian Sarjana Muda – Aras 2 (Level 2)

Perakuan Akreditasi Aras 2 adalah perakuan terhadap program sarjana muda yang menghasilkan graduan bidang perancangan bandar. Di peringkat ini, setiap graduan didedahkan dengan teori perancangan, prinsip dan amalan, perundungan berkaitan pembangunan tanah, teknik perancangan, reka bentuk serta pengetahuan asas perancangan. Lazimnya, graduan tersebut berpeluang bekerja sebagai pegawai perancang bandar dan layak mendaftar dengan LPBM sebagai Perancang Bandar berdaftar selepas mematuhi keperluan dan syarat yang ditetapkan oleh LPBM. Terdapat 5 pilihan syarat minima kemasukan untuk program Sarjana Muda iaitu:

- Memenuhi SYARAT AM PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.75 bagi Diploma yang berkaitan
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*
DAN
- Tidak rabun warna.

atau

- Memenuhi SYARAT AM PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 bagi Diploma yang berkaitan, dengan mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman bekerja di dalam bidang yang berkaitan
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*
DAN
- Tidak rabun warna.

atau

- Memenuhi SYARAT AM PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 bagi SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam mana-mana DUA (2) mata pelajaran berikut:
 - Matematik / Matematik Tambahan
 - Fizik
 - Kimia
 - Biologi
 - Ekonomi
 - Sejarah
 - Geografi
 - Seni Visual
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET)
DAN
- Tidak rabun warna.

atau

- Memenuhi SYARAT AM PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI dan Lulus Matrikulasi /asasi dalam bidang yang berkaitan dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00
- Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (3.00) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam mata pelajaran berikut:
 - Matematik; dan
 - satu (1) mata pelajaran pengkhususan;
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET)
DAN
- Tidak rabun warna.

atau

- Memenuhi SYARAT AM PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI atau Lulus Penilaian APEL MQA
- Lulus Bahasa Inggeris dalam SPM atau yang setara
- Mempunya sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun pengalaman bekerja di dalam bidang yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa
DAN
- Tidak rabun warna.

2.3 Program Pengajian Sarjana – Aras 2 Khas (*Level 2 Special*)

Perakuan Akreditasi Aras 2 Khas adalah perakuan terhadap program sarjana yang menghasilkan graduan bidang perancangan bandar. Di peringkat ini, setiap graduan didedahkan untuk memahami dan mengaplikasikan teori serta amalan perancangan secara holistik. Program peringkat sarjana ini biasanya dijalankan secara kerja kursus. Lazimnya, graduan tersebut berpeluang bekerja sebagai pegawai perancang bandar. Syarat minima kemasukan pelajar di peringkat ini adalah:

- Memenuhi SYARAT AM PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.75 bagi Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan
DAN
- Lulus ujian rabun warna dan temuduga (penyemakan portfolio semasa temuduga) yang dikendalikan oleh PPT berkenaan.



MANUAL AKREDITASI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH

3.0 KRITERIA PENILAIAN

Program pengajian PPT hendaklah mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan di dalam manual ini. Kriteria yang perlu diperjelaskan dan dipatuhi adalah seperti berikut:

3.1 KRITERIA 1: OBJEKTIF PROGRAM PENGAJIAN

PPT hendaklah menerangkan Program Pengajian dari segi matlamat, objektif pendidikan dan hasil pembelajaran dengan jelas. Ianya perlu selaras dengan matlamat dan objektif di peringkat universiti, fakulti dan keperluan bidang. Dalam memenuhi matlamat, keperluan bidang, polisi universiti mengenai *Professional Practice* bagi para pensyarah serta amalan latihan industri/*industrial engagement* untuk pensyarah dan pelajar program perlu dijelaskan.

Kriteria yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- i. Pelajar hendaklah menjalani latihan industri;
- ii. Pelajar hendaklah menyertai aktiviti persatuan pelajar Perancangan Bandar sekurang-kurangnya di peringkat universiti/kolej dan menjadi keahlian sebagai *student member MIP*;
- iii. 70% daripada tenaga pengajar perlu mempunyai status sebagai Perancang Bandar berdaftar (TPr). Pusat Pengajian perlu mempunyai perancangan awal bagi memastikan kriteria ini tercapai; dan
- iv. Tenaga pengajar perlu aktif di dalam mengendalikan penyelidikan dan penerbitan.

3.2 KRITERIA 2: IMPLEMENTASI PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL (OUTCOME BASED EDUCATION – OBE)

Objektif Pendidikan Program (*Program Education Objective*), Hasil Pembelajaran Program (*Program Learning Outcome - PLO*) dan penilaian serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran (*Course Learning Outcomes*) perlu dinyatakan. Ianya hendaklah merangkumi kaedah penilaian PLO serta kriteria yang diguna pakai.

Kriteria ini hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya aspek berikut:

- i. Kerja kumpulan dan kepimpinan.
- ii. Keusahawanan (*entrepreneurship*).
- iii. Penyelesaian masalah (*problem solving*) dan kemahiran kognitif.
- iv. Kemahiran IT (CAD, GIS, analisis statistik, 3D drawing, persembahan digital dan lain-lain yang berkaitan dan seumpama dengannya).
- v. Kemahiran persembahan lisan, penulisan dan grafik, serta kebolehan dalam rundingan.
- vi. Beretika dan berintegriti (jujur, bertimbang rasa, keharmonian sosial).
- vii. Hendaklah disesuaikan dengan keperluan Malaysian Qualifications Framework (MQF).

3.3 KRITERIA 3: KURIKULUM AKADEMIK

Struktur kursus program pengajian dan pemetaan kurikulum hendaklah dinyatakan dengan jelas dan selaras dengan implementasi OBE. Pemetaan kredit program serta beban tugas akademik juga perlu disertakan. Kaedah dan rangka pengemaskinian kurikulum (*Curriculum Review*) berserta tempohnya hendaklah dinyatakan dengan jelas dan terperinci.

Berikut merupakan keperluan minimum kurikulum akademik untuk Program Perancangan Bandar dan Wilayah dan setaraf dengannya:

i. Program Pengajian Diploma – Aras 1 (Level 1)

Tempoh pengajian	2 tahun (sepenuh masa) Minimum 90 kredit (keseluruhan)
Kursus Projek Perancangan/ Studio (minimum 8 jam seminggu untuk setiap studio)	<p>Studio x 4,</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Basic Planning Skills (design) 2. Layout Design (design) 3. Integrated Layout Design (design) 4. Local Planning (Research) 5. Other Format of Planning Study
Ilmu dan kemahiran yang utama yang perlu dikuasai oleh pelajar (boleh dijadikan kursus berasingan atau diterapkan kedalam studio tanpa kelas formal)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Land Use & Site Planning 2. Planning Theory & Concept 3. CAD & Multimedia (IT) for Planning 4. Social Aspects in Planning 5. Urban Design 6. Housing & Facilities 7. GIS for Planning 8. Traffic/ Transportation 9. Research Methodology & Data Analysis 10. Legal Aspects in Planning (Land Law, Planning Law & etc.) 11. Environmental Planning
Kajian Akhir (Penyelidikan)	3 kredit (tidak wajib)
Latihan Industri	8 kredit atau 16 minggu
Jam Kredit Studio Dan Kursus Teras Diploma	50 kredit (studio dan kursus teras) (tidak termasuk kursus bukan teras dan universiti)
Nota: Nama kursus atau studio boleh diubah suai mengikut keperluan PPT; Program pengajian juga perlu memenuhi keperluan MQA.	

ii. Program Pengajian Sarjana Muda – Aras 2 (Level 2)

Tempoh pengajian	4 tahun (sepenuh masa) Minimum 130 kredit (keseluruhan)
Kursus Projek Perancangan/ Studio (minimum 8 jam seminggu untuk setiap studio)	<p>Studio x 6,</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Basic Planning Skills (design) 2. Integrated Layout Design (design) 3. Spatial/ Urban Design (design) 4. Structure/ Regional Planning (Research) 5. Local Planning (Research) 6. Special Area Planning (Research & Design) 7. Other Format of Planning Study
Ilmu dan kemahiran yang utama yang perlu dikuasai oleh pelajar (boleh dijadikan kursus berasingan atau diterapkan kedalam studio tanpa kelas formal)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Land Use & Site Planning 2. Planning Theory & Concept 3. CAD & Multimedia (IT) for Planning 4. Community Development/ Social Aspects in Planning 5. Urban Design 6. Housing & Facilities 7. GIS for Planning 8. Traffic/ Transportation 9. Research Methodology & Data Analysis 10. Legal Aspects in Planning (Land Law, Planning Law & etc.) 11. Economics for Planning/ Urban Economics 12. Rural & Regional Planning 13. Professional Practice & Politics 14. Environmental Planning & Management 15. Project Management
Kajian Akhir (Penyelidikan)	4 kredit
Latihan Industri	8 kredit iaitu 16 minggu
Jam Kredit Studio Dan Kursus Teras Diploma	70 kredit (studio dan kursus teras) (tidak termasuk kursus bukan teras dan universiti)
Nota: Nama kursus atau studio boleh diubah suai mengikut keperluan PPT; Program pengajian juga perlu memenuhi keperluan MQA; Tempoh pengajian 4 tahun adalah masa yang lebih diperlukan untuk kerja studio dan dapat meningkatkan kematangan pelajar.	

iii. Program Pengajian Sarjana – Aras 2 Khas (Level 2 Special)

Program ini untuk graduan berkelulusan Sarjana Muda dalam bidang seperti Seni bina Landskap, Pengajian Bandar, Geografi, Ekonomi, Sosiologi, Alam Sekitar, Perancangan Bandar yang tidak diakreditasikan oleh LPBM dan lain-lain bidang berkaitan yang bukan profesional.

Tempoh pengajian	2 tahun (sepenuh masa) Minimum 60 kredit (keseluruhan)
Kursus Projek Perancangan/ Studio (minimum 8 jam seminggu untuk setiap studio)	Studio x 4, <ul style="list-style-type: none"> 1. Basic Planning Skills (design) 2. Integrated Layout Design (design) 3. Spatial/ Urban Design (design) 4. Structure/ Local/ Special Area Planning 5. Other Format of Planning Study
Ilmu dan kemahiran yang utama yang perlu dikuasai oleh pelajar (boleh dijadikan kursus berasingan atau diterapkan kedalam studio tanpa kelas formal)	<ul style="list-style-type: none"> 1. Land Use & Site Planning 2. Planning Theory & Concept 3. CAD & Multimedia (IT) for Planning 4. Community Development/ Social Aspects in Planning 5. Urban Design 6. Housing & Facilities 7. GIS for Planning 8. Traffic/ Transportation 9. Research Methodology & Data Analysis 10. Legal Aspects in Planning (Land Law, Planning Law & etc.) 11. Economics for Planning/ Urban Economics 12. Rural & Regional Planning 13. Professional Practice & Politics 14. Environmental Planning & Management
Kajian Akhir (Penyelidikan)	4 kredit
Latihan Industri	6 kredit (12 minggu)
Jam Kredit Studio Dan Kursus Teras Diploma	50 kredit (studio dan kursus teras) (tidak termasuk kursus bukan teras dan universiti)
Nota: Nama kursus atau studio boleh diubah suai mengikut keperluan PPT; Program pengajian juga perlu memenuhi keperluan MQA.	

3.4 KRITERIA 4: PENILAIAN PELAJAR

Penilaian pelajar di dalam kursus studio dan kerja kursus perlulah dinilai dengan pelbagai kaedah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy*, termasuk pelan, laporan, lukisan, pengendalian seminar, *Focus Group Discussion* (FGD) atau forum, penyediaan video dan pembangunan laman web.

Penilaian pelajar untuk kursus yang berbentuk teori adalah berdasarkan peperiksaan akhir (40 - 60%) dan tugasan (40 - 60%). Manakala penilaian pelajar untuk kursus studio dan kursus teknikal atau kemahiran adalah 100% penilaian berterusan (*continuous assessment*) dan tidak diwajibkan peperiksaan akhir.

3.5 KRITERIA 5: PENENTUAN KUALITI PELAJAR

Di dalam penilaian aspek kualiti pelajar, PPT hendaklah menyatakan dengan jelas dan terperinci perkara berikut:

- i. Kaedah penyelarasan penilaian pelajar dan gred penilaian serta medium yang digunakan;
- ii. Data peratusan pelajar dalam program dengan pencapaian pada pelbagai tahap gred;
- iii. Kaedah pengendalian pelajar plagiat (contohnya kursus kajian akhir atau penyelidikan);
- iv. Maklumat mengenai kemajuan, keciran dan gred purata pelajar;
- v. Input pihak berkepentingan seperti alumni/ industri yang digunakan dalam perkembangan pendidikan dan kualiti pelajar; dan
- vi. Laporan tahunan/sesi akademik dari penilaian daripada empat (4) pihak seperti profesional swasta, penjawat awam, ahli akademik dan wakil Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM (tertakluk kepada PPT) dapat memberikan gambaran terhadap prestasi kualiti pelajar dan keberkesanan pengajaran program pengajaran. Penilaian ini perlulah dilakukan oleh penilai yang dilantik oleh PPT untuk dua aspek utama iaitu:
 - a) Kualiti kerja dan kertas jawapan pelajar;
 - b) Kualiti pelajar dari segi kemahiran dan ilmu yang dinilai melalui dialog penilai dengan pelajar (tanpa kehadiran staf PPT).

3.6 KRITERIA 6: POLISI PENGAMBILAN PELAJAR DAN STATISTIK

Program yang memohon perlulah menjelaskan dengan terperinci mengenai perkara-perkara berikut:

- i. Polisi dan kelayakan kemasukan pelajar;
- ii. Unjuran dan sasaran jumlah pelajar;
- iii. Pemindahan kredit;
- iv. Analisis profil pelajar-pelajar dari segi kelayakan masuk, jantina dan status warganegara/ bukan warganegara/ Negara asal; dan
- v. Cohort statistics pelajar-pelajar yang mengikuti program, pelajar yang menarik diri, gagal atau mengulang bagi setiap semester/tahun.

3.7 KRITERIA 7: KAKITANGAN AKADEMIK DAN SOKONGAN

Program yang memohon hendaklah menjelaskan dengan terperinci perkara-perkara yang berkaitan dengan kakitangan akademik dan sokongan seperti butiran berikut:

- i. Profil dan jumlah bilangan tenaga pengajar;
- ii. Aktiviti-aktiviti penyelidikan, perundingan dan pencapaian para tenaga pengajar yang signifikan terhadap bidang/profesional/pembelajaran pelajar;
- iii. Pendekatan tenaga pengajar untuk menambah baik pengetahuan bidang dengan perkembangan terkini;
- iv. Data mengenai nisbah bilangan tenaga pengajar kepada bilangan pelajar; kelayakan staf; peratus staf dengan PhD/dalam proses memperoleh PhD; dan
- v. Bilangan dan peranan kakitangan sokongan.

Nisbah Kursus Projek Perancangan/ Studio
tenaga pengajar: Pelajar
1 orang tenaga pengajar : maksimum 10 orang pelajar

Kelayakan tenaga pengajar :

- i. Diploma
 - Sarjana Muda dalam bidang Perancangan Bandar dan/atau berkaitan; dan
 - Lima (5) tahun pengalaman kerja dengan kelayakan minimum Diploma dalam bidang diajar.
- ii. Sarjana Muda
 - Sarjana berserta Sarjana Muda dalam bidang Perancangan Bandar dan/atau berkaitan; dan
 - Lima (5) tahun pengalaman kerja dengan kelayakan minimum Diploma dalam bidang diajar.
- iii. Sarjana
 - PhD berserta Sarjana Muda dalam bidang diajar, atau
 - Lima (5) tahun pengalaman kerja dengan kelayakan Sarjana dan Sarjana Muda dalam bidang yang diajar.

Tenaga pengajar yang memegang jawatan pengurusan di PPT dan hanya mengajar tidak melebihi satu subjek setiap semester, hendaklah tidak boleh melebihi 25% daripada jumlah tenaga pengajar sepenuh masa. Ini untuk memastikan tumpuan yang tinggi dapat diberikan kepada pengajaran, penyeliaan dan penyelidikan.

Jika melebihi 25%, PPT perlu menjelaskan perancangan untuk menambah tenaga pengajar (tetap atau sementera) yang berstatus sepenuh masa bagi memenuhi kriteria ini.

3.8 KRITERIA 8: KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN

Program yang memohon hendaklah menyenaraikan secara terperinci kemudahan kelengkapan dari segi ruang, jenis dan jumlah peralatan serta fungsi bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran program. Kriteria keperluan kemudahan dan kelengkapan:

- i. Semua bilik studio dan bilik kuliah perlu mempunyai kemudahan ICT, dan peralatan pengajaran, pembelajaran dan pameran yang sesuai.
- ii. Lab komputer bagi pengajaran dan pembelajaran IT (CAD, GIS, analisis statistik, 3D drawing, persempahan digital, dan lain-lain.)
- iii. Ruang studio minimum = 3 m² untuk setiap pelajar secara purata.

3.9 KRITERIA 9: KUALITI SISTEM PENGURUSAN

Penilaian kualiti sistem pengurusan, program yang memohon hendaklah menyatakan jawatankuasa di peringkat Jabatan atau Fakulti yang memantau kualiti program seperti tempoh penilaian dijalankan, pelan tindakan dan tindakan lanjut terhadap pemantauan program. Turut disertakan adalah kaedah maklum balas pelajar, serta kaedah kajian pengesanan graduan/maklum balas graduan (*tracer study*).

3.10 KRITERIA 10: KAJIAN PASARAN DAN TRACER STUDY

Bagi program yang baharu, kajian pasaran diperlukan untuk menunjukkan keperluan dan kepentingan program tersebut. PPT perlu mematuhi keperluan yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk kajian pasaran program.

Bagi permohonan pembaharuan akreditasi, mekanisma *Tracer Study* untuk para graduan program ini perlu dinyatakan bagi memenuhi keperluan untuk penambahbaikan bidang pembelajaran secara amnya. PPT perlu membincangkan hasil kajian *Tracer Study* untuk (tidak terhad) perkara-perkara berikut:

- i. Jenis majikan, iaitu kerajaan, swasta atau persendirian untuk graduan; dan
- ii. Jenis pekerjaan graduan, iaitu sebagai penolong pegawai perancang bandar, pegawai perancang bandar atau bidang lain (perlu nyatakan bidang-bidang utama yang bukan perancangan).

Jadual 3.1: Jadual Kajian Pasaran dan *Tracer Study*

Sektor Pekerjaan	Bilangan dan Peratusan Graduan	
	Perancang Bandar	Bukan Perancang Bandar
Kerajaan		
Swasta		
Persendirian		



MANUAL AKREDITASI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH

4.0 AKREDITASI

4.1 PROSES AKREDITASI

Akreditasi program merupakan satu penilaian yang dilakukan untuk memastikan program mencapai tahap kualiti dan standard yang ditetapkan. Akreditasi program mempunyai dua (2) peringkat penilaian iaitu Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Setiap peringkat mempunyai tumpuan kualiti yang berbeza bergantung kepada keadaan pembangunan, penyampaian dan kemajuan program.

4.2 AKREDITASI SEMENTARA (PROVISIONAL ACCREDITATION)

Akreditasi sementara ini merupakan satu penilaian untuk memastikan sesuatu program yang hendak ditawarkan tersebut memenuhi keperluan kualiti minima. Ianya meliputi program pengajian baharu yang belum bermula pengajiannya. Permohonan secara rasmi hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya dalam tempoh enam (6) bulan sebelum sebelum program ditawarkan. Proses Akreditasi Sementara adalah seperti di Rajah 4.1.

PPT yang menawarkan pengajian dalam mod sepenuh masa dan separuh masa untuk program yang sama boleh diakreditasikan bersama dan dikira sebagai satu permohonan. Perakuan Akreditasi Sementara tertakluk kepada syarat dan tempoh yang akan ditetapkan oleh LPBM. Jika LPBM mendapat PPT gagal memenuhi syarat yang ditetapkan, LPBM boleh menarik balik perakuan tersebut. PPT hendaklah mengemukakan permohonan Akreditasi Penuh apabila program mencapai tempoh matang iaitu setelah kohort pertama pelajar memulakan semester akhir program.

4.3 AKREDITASI PENUH (FULL ACCREDITATION)


Satu perakuan rasmi kepada PPT bahawa diploma, sarjana muda atau sarjana yang akan dianugerahkan kepada graduan adalah selaras dengan kualiti dan standard yang diperlukan oleh LPBM dan MQA. Perakuan Akreditasi Penuh hendaklah diperbaharui sebelum tamat tempoh akreditasi. Akreditasi Penuh ini juga meliputi program pengajian baharu yang telah mendapat perakuan Akreditasi Sementara daripada LPBM setelah PPT memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

PPT hendaklah mengemukakan permohonan dalam tempoh tidak kurang enam (6) bulan sebelum tempoh tamat perakuan Akreditasi Sementara/Akreditasi Penuh dengan mematuhi proses seperti di Rajah 4.2.


4.4 AUDIT PEMATUHAN

Audit Pematuhan perlu dijalankan jika ianya menjadi satu syarat yang ditetapkan oleh LPBM semasa perakuan Akreditasi Penuh dibuat. Tujuan Audit Pematuhan untuk memastikan PPT telah mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya bagi memenuhi syarat-syarat khusus dan cadangan penambahbaikan yang disyorkan bagi menjamin kualiti program yang ditawarkan. Permohonan Audit Pematuhan hendaklah dikemukakan kepada LPBM selepas dua (2) tahun mendapat perakuan Akreditasi Penuh dan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum lawatan dijalankan dengan mematuhi proses seperti di Rajah 4.3.


Rajah 4.1 : Carta Alir Proses Penilaian Akreditasi Sementara



Rajah 4.2 : Carta Alir Proses Penilaian Akreditasi Penuh



Rajah 4.3 : Carta Alir Proses Audit Pematuhan



4.5 AHLI PANEL PENILAI MAJLIS AKREDITASI PERANCANGAN BANDAR LPBM

Permohonan daripada PPT sama ada Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh atau pun Audit Pematuhan, satu penilaian akan dijalankan oleh Ahli Panel Penilai yang dilantik. Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM telah menetapkan bahawa Anggota Majlis Akreditasi merupakan APP.

Tugas utama APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM adalah untuk memastikan bahawa proses, keperluan dan kemudahan yang dilaksanakan oleh PPT adalah sesuai untuk menghasilkan program pengajian yang berkesan dan tercapai matlamat. Tanggungjawab APP adalah seperti berikut:

- i. Mematuhi keperluan penilaian;
- ii. Menyampaikan dan menjelaskan keperluan penilaian;
- iii. Melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan cekap dan berkesan;
- iv. Merekodkan pemerhatian;
- v. Menyimpan dan mengawal segala dokumen berkaitan urusan akreditasi;
- vi. Memastikan kerahsiaan dokumen-dokumen berkenaan; dan
- vii. Menggunakan budi bicara bagi melindungi maklumat rahsia.

Pengerusi APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM memainkan peranan penting dalam menjalankan proses penilaian akreditasi. Pengerusi akan mengetuai panel penilai dalam menjalankan tugas sebagai satu pasukan bagi mendapatkan hasil yang terbaik. Peranan Pengerusi adalah seperti berikut:

- i. Membentangkan laporan secara lisan di akhir lawatan hasil penemuan dan pemerhatian awal APP kepada perwakilan PPT;
- ii. Bertanggungjawab mengumpul dan menyemak semua penemuan dan pemerhatian APP;
- iii. Mengumpul segala pandangan daripada setiap APP;
- iv. Memastikan bahawa cadangan penambahbaikan program oleh PPT dipertimbangkan dan diperakui oleh APP; dan
- v. Menyediakan Laporan Penilaian untuk dibentangkan kepada LPBM.

Dalam memastikan proses penilaian berjalan lancar, Urus Setia LPBM hendaklah memegang tanggungjawab berikut:

- i. Menyimpan salinan bahan edaran, laporan penilaian dan lain-lain maklumat untuk dimasukkan dalam laporan penilaian;
- ii. Membantu, menyelaras dan berkerjasama dengan APP dalam menjalankan tugas;
- iii. Menjalin kerjasama erat dengan wakil PPT; dan
- iv. Melaksanakan tanggungjawab keurussetiaan sepanjang proses akreditasi dijalankan.

4.6 PERANAN AHLI PANEL PENILAI

Segala dokumen berkaitan yang diserahkan oleh PPT kepada LPBM, untuk memohon sama ada Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh atau Audit Pematuhan akan diedarkan kepada APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM. Peranan panel penilai boleh dibahagikan kepada empat (4) peringkat pelaksanaan iaitu:

i. Sebelum Lawatan Penilaian Akreditasi

APP hendaklah membaca dokumen yang dikemukakan oleh PPT. Ini bertujuan supaya APP dapat memahami dasar, tatacara dan kriteria jaminan kualiti program PPT yang berkaitan. Panel Penilai perlu meneliti kandungan dokumen dengan secara terperinci untuk mendapatkan maklumat berkenaan sistem pengurusan dan kualiti program bagi mencapai matlamat yang ditetapkan PPT.

ii. Mesyuarat Penyelaras

Setelah dokumen diserahkan kepada APP, Urus Setia LPBM akan menguruskan satu Mesyuarat Penyelaras Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM diadakan. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM yang juga merangkap Pengerusi APP bagi tujuan untuk:

- a. Menyenaraikan maklumat-maklumat tambahan yang diperlukan semasa lawatan dari PPT;
- b. Pandangan awal hasil dari penelitian dan pembacaan dokumen akreditasi yang dikemukakan PPT;
- c. Kesimpulan muktamad hendaklah berdasarkan kepada bukti yang jelas;
- d. Mengelak daripada membuat sebarang pertimbangan terhadap program dengan membuat perbandingan terhadap PPT atau organisasi mereka sendiri; dan
- e. Berpeluang berkongsi idea, pengalaman, kepakaran dan pengetahuan masing-masing.

iii. Semasa Lawatan Penilaian Akreditasi

Bagi merungkai segala persoalan atau isu yang dibangkitkan oleh APP semasa Mesyuarat Penyelaras, panel penilai boleh menyatakan isu yang menjadi persoalan di kalangan panel penilai dan perlu mendapat penjelasan, justifikasi atau maklumat tambahan dari PPT semasa lawatan penilaian akreditasi diadakan. Kaedah yang boleh digunakan oleh APP dalam mendapatkan maklumat tersebut adalah melalui kaedah pemerhatian, temu bual, dialog dan sebagainya lagi.

iv. Selepas Lawatan Penilaian Akreditasi

APP perlu memastikan bahawa Laporan Penilaian Akreditasi yang disediakan adalah tepat dan seimbang. Keseluruhan proses akreditasi dan cadangan penambahbaikan ke atas program untuk mengatasi kelemahan dan meningkatkan kekuatan perlu diberi penekanan dalam laporan tersebut. Pengerusi APP Majlis Perancangan Bandar LPBM akan mengemukakan Laporan Penilaian Akreditasi untuk kelulusan LPBM.

4.7 LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI

Tujuan lawatan penilaian akreditasi dijalankan oleh Panel Penilai adalah untuk melihat keadaan sebenar sebagai mana yang telah dinyatakan dalam dokumen dari aspek pernyataan, penghuraian, kesimpulan dan tindakan penambahbaikan yang dicadang. Selain itu, ianya juga bertujuan memperoleh persepsi yang lebih luas melalui proses temubual dan interaksi di antara tenaga pengajar dan pelajar.

Lawatan dimulakan dengan mesyuarat pembukaan di mana pihak PPT memberikan maklumat latar belakang program yang dilaksanakan di PPT tersebut. APP ini diketuai oleh Pengerusi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM. Pengerusi dan Ahli Panel penilaian yang lain akan mengendalikan sesi semakan, pemerhatian dan temu bual dengan pihak PPT bagi mendapatkan penjelasan terhadap sesuatu perkara.

Di akhir lawatan, Pengerusi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM akan membentangkan laporan secara lisan kepada PPT berdasarkan kepada perbincangan, temu bual dan pemerhatian sepanjang sesi lawatan. Laporan secara lisan ini memberi perhatian khusus kepada kekuatan program sambil menekankan aspek yang perlu diberikan perhatian dan penambahbaikan.

Pengerusi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM juga memberi peluang kepada PPT untuk memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam rumusan ini. Walau bagaimana pun, rumusan yang dikemukakan secara lisan ini bukanlah rumusan yang muktamad. Segala rumusan akan dikemukakan kelak dengan cara yang lebih terperinci dalam Laporan Penilaian.

Lawatan Penilaian Akreditasi Sementara dan Lawatan Audit Pematuhan diadakan selama satu (1) hari manakala bagi Lawatan Akreditasi Penuh diadakan selama dua (2) hari.

Jadual 4.1: Tentatif Program Lawatan Akreditasi Sementara Selama 1 hari

Masa	Butiran Dan Aktiviti	Tempat
8.30	Ketibaan Pensyarah dan APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM	Ditentukan oleh PPT
8.45	Ucapan Aluan Dekan	Ditentukan oleh PPT
9.00	Ucapan Aluan Pengerusi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM	Ditentukan oleh PPT
9.15	Taklimat Ketua Jabatan	Ditentukan oleh PPT
10.00	Minum Pagi	Ditentukan oleh PPT
10.30	Semakan dokumen, perbincangan dan maklumbalas Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM kepada PPT	Ditentukan oleh PPT
12.30	Makan Tengahari dan Solat	Ditentukan oleh PPT
14.30	Lawatan ke pusat pembelajaran (kemudahan pendidikan – bilik kuliah, studio, makmal, perpustakaan dan lain-lain)	Ditentukan oleh PPT
15.30	Rumusan Lawatan	Ditentukan oleh PPT
16.00	Program Tamat	Ditentukan oleh PPT

Nota:
Urus Setia LPBM berperanan sebagai secretariat kepada APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM. Dua orang Urus Setia LPBM akan turut serta dalam segala program sepanjang lawatan akreditasi ini dijalankan.

Jadual 4.2: Tentatif Program Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Selama 2 Hari

Masa	Butiran Dan Aktiviti	Tempat
Hari Pertama		
8.30	Ketibaan Pensyarah dan APPi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM	Ditentukan oleh PPT
8.45	Ucapan Aluan Dekan	Ditentukan oleh PPT
9.00	Ucapan Aluan Pengurus Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM	Ditentukan oleh PPT
9.15	Taklimat Ketua Jabatan	Ditentukan oleh PPT
10.30	Minum Pagi	Ditentukan oleh PPT
11.00	Perbincangan mengenai tindakan kepada teguran Akreditasi Penuh terdahulu	Ditentukan oleh PPT
12.00	Semakan dokumen	
13.00	Makan Tengahari dan Solat	Ditentukan oleh PPT
14.30	Lawatan ke pusat pembelajaran (kemudahan pendidikan – bilik kuliah, studio, makmal, perpustakaan dan lain-lain)	Ditentukan oleh PPT
15.30	Pembentangan hasil tugas pelajar dan sesi soal jawab	Ditentukan oleh PPT
17.00	Program Tamat	Ditentukan oleh PPT
Hari Kedua		
8.30	Perjumpaan Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM bersama Penyelaras Program dan Ketua Jabatan	Ditentukan oleh PPT
10.30	Semakan dokumen	Ditentukan oleh PPT
12.30	Makan tengahari dan solat	
14.30	Perjumpaan tertutup bersama pelajar sahaja (Tahun 1 hingga 4)	Ditentukan oleh PPT
16.00	Perbincangan dan maklumbalas Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM kepada PPT	Ditentukan oleh PPT
16.30	Rumusan Lawatan	Ditentukan oleh PPT
17.00	Program Tamat	Ditentukan oleh PPT
Nota: Urus Setia LPBM berperanan sebagai secretariat kepada APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM. Dua orang Urus Setia LPBM akan turut serta dalam segala program sepanjang lawatan akreditasi ini dijalankan.		

Jadual 4.3: Tentatif Program Lawatan Audit Pematuhan Selama 1 hari

Masa	Butiran Dan Aktiviti	Tempat
8.30	Ketibaan Pensyarah dan APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM	Ditentukan oleh PPT
8.45	Ucapan Aluan Dekan	Ditentukan oleh PPT
9.00	Ucapan Aluan Pengerusi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM	Ditentukan oleh PPT
9.15	Taklimat Ketua Jabatan	Ditentukan oleh PPT
10.00	Minum Pagi	Ditentukan oleh PPT
10.30	Semakan dokumen, perbincangan dan maklumbalas Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM kepada PPT	Ditentukan oleh PPT
12.30	Makan Tengahari dan Solat	Ditentukan oleh PPT
14.30	Perjumpaan tertutup bersama pelajar sahaja (Tahun 1 hingga 4)	Ditentukan oleh PPT
16.00	Perbincangan dan maklumbalas Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM kepada PPT	Ditentukan oleh PPT
16.30	Rumusan Lawatan	Ditentukan oleh PPT
17.00	Program Tamat	Ditentukan oleh PPT

Nota:
Urus Setia LPBM berperanan sebagai secretariat kepada APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM. Dua orang Urus Setia LPBM akan turut serta dalam segala program sepanjang lawatan akreditasi ini dijalankan.

4.8 PENILAIAN AKREDITASI

Penilaian dijalankan oleh Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM semasa lawatan penilaian akreditasi ke PPT berpandukan kepada jadual penilaian seperti berikut:

Jadual 4.3: Jadual Penilaian

ASPEK	BUTIRAN	Pencapaian (✓)				CATATAN
		Tiada Maklumat	Tidak memuaskan	Sederhana	Sangat memuaskan	
Aspek Kualiti (am)	1. Kekuatan organisasi untuk membolehkan perkembangan program yang mampan					
	2. Sokongan universiti/ fakulti kepada aktiviti jabatan/ pusat pengajian.					
	3. Niche area yang jelas dan sesuai berdasarkan matlamat/objektif program					
	4. Perubahan yang dilakukan adalah sesuai dengan kelemahan yang dikenal pasti terdahulu					
	5. Perancangan masa depan program yang sesuai					
	6. Maklumbalas daripada penilai luar (tahunan)					
	7. Kriteria kemasukan pelajar yang jelas dan terperinci.					
	8. Pemindahan kredit daripada peringkat diploma kepada Ijazah Sarjana Muda					
	8. Pengambilan pelajar dari segi latar belakang yang pelbagai (jantina, bangsa, warganegara/bukan warganegara (negara asal) PPT asal dan lain-lain)					
	10. Pengendalian terhadap pelajar yang tidak dapat meneruskan pelajaran					
	11. Program kepimpinan dan pengurusan untuk pensyarah dan pelajar di peringkat tempatan dan antarabangsa (seperti kursus, seminar)					

ASPEK	BUTIRAN	Pencapaian (✓)				CATATAN
		Tiada Maklumat	Tidak memuaskan	Sederhana	Sangat memuaskan	
Peralatan dan Sumber Manusia	1. Nisbah pensyarah dan bilangan pelajar (studio) iaitu 1: 10 untuk pelajar sepenuh masa manakala nisbah 1:20 untuk bilangan pensyarah dan pelajar separuh masa					
	2. Bilangan pelajar sepenuh masa dan pelajar separuh masa dan taburan dalam semester panjang dan semester pendek					
	3. Peratusan penglibatan pensyarah dalam penyelidikan.					
	4. Peratusan pensyarah yang berstatus TPr dan profesi lain					
	5. Peratusan pensyarah yang dalam trak pengurusan (tidak melebihi 25%)					
	6. Amalan pensyarah (perundingan atau latihan industri)					
	7. Kualiti penerbitan					
	8. Bilangan & taburan kakitangan sokongan yang mencukupi dan sesuai.					
	9. Penggunaan ICT mengikut tren & keperluan semasa oleh pelajar.					
	10. Koleksi bahan rujukan di perpustakaan untuk program Perancangan Bandar (hardcopy, softcopy & on-line)					
	11. Kemudahan makmal/studio, perkakasan dan perisian serta kemudahan sokongan pembelajaran yang lain.					

ASPEK	BUTIRAN	Pencapaian (✓)				CATATAN
		Tiada Maklumat	Tidak memuaskan	Sederhana	Sangat memuaskan	
Kandungan Program Akademik	1. Kecukupan teori dan amalan semasa.					
	2. Pengetahuan perundangan dan institusi yang terlibat.					
	3. Amalan dan etika perancangan professional.					
	12. Perhatian yang mencukupi terhadap analitikal, teknologi, komunikasi, pembentangan dan kemahiran am yang lain.					
	13. Menggalakkan kreativiti, bersepadu, dan berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang dan kemahiran pemikiran strategik.					
	14. Kepelbagaiannya bidang ilmu seperti sosial, ekonomi, pengangkutan, teknologi, alam sekitar, kemahiran teknikal, dll.					
	15. Pendekatan pengajaran: kaedah pengajaran progresif yang sesuai mengikut keperluan subjek dan perkembangan semasa, termasuklah secara on-line.					
	16. Keseimbangan fokus program terhadap isu tempatan dan global.					
	17. Ilmu perancangan untuk setiap peringkat (tempatan, wilayah, nasional dan antarabangsa).					
	18. Kandungan kursus yang inovatif dan perkembangan global merangkumi keperluan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim, SDG, NUA dan perubahan teknologi					

ASPEK	BUTIRAN	Pencapaian (✓)				CATATAN
		Tiada Maklumat	Tidak memuaskan	Sederhana	Sangat memuaskan	
Kandungan Program Akademik	19. Pelajar didedahkan kepada proses penyediaan Projek Perancangan seperti Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan, Rancangan Kawasan Khas, termasuk Pemuliharaan Warisan dan lain-lain selari dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan Akta-akta berkaitan.					
	20. Pelajar didedahkan kepada kajian perancangan pembangunan serantau, kajian kebolehlaksanaan dan penilaian impak, termasuklah tetapi tidak terhad kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Penilaian Impak Sosial (SIA), Penilaian Impak Trafik (TIA).					
	21. Pelajar didedahkan dengan prosedur penyediaan dan permohonan kebenaran merancang, pecah sempadan, dan tukar syarat tanah seperti tertakluk di bawah Akta 172 dan KTN 1965					
	22. Pelajar didedahkan dengan penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP), pelan susun atur, pelan induk dan lukisan ilustrasi.					
	23. Pelajar didedahkan dengan kaedah analisis, merekabentuk dan merancang pembangunan mampan berdasarkan kepada aspek fizikal, sosio-ekonomi, politik, budaya, alam sekitar dll.					

ASPEK	BUTIRAN	Pencapaian (✓)				CATATAN
		Tiada Maklumat	Tidak memuaskan	Sederhana	Sangat memuaskan	
Kandungan Program Akademik	24. Pelajar didedahkan dengan ilmu & teknik menyelaras, merancang dan menguruskan projek pembangunan					
	25. Program yang relevan untuk masa depan dalam menghasilkan perancang yang sesuai untuk keperluan semasa & masa depan					
Pengajaran dan pembelajaran	1. Kualiti Pengajaran (penerapan pelbagai kaedah penilaian)					
	2. Kepelbagaian dalam teknik pengajaran					
	3. Piawaian penandaan kertas peperiksaan/ kerja kursus secara konsisten.					
	4. Penyediaan skema jawapan.					
	5. Kualiti pelajar dari segi akademik (pencapaian CGPA, dan penilaian lain)					
	6. Kualiti pelajar dari segi kemasyarakatan					
	7. Kualiti pelajar dari segi persembahan					
	8. Penglibatan pelajar di dalam persatuan pelajar dan MIP					
	9. Pensyarah ditugaskan mengikut kelayakan, pengalaman & kepakaran					
	10. Usahasama dalam penyelidikan & penerbitan dalam kalangan pensyarah & pelajar dengan pihak luar					
	11. Latihan industri pelajar					

ASPEK	BUTIRAN	Pencapaian (✓)				CATATAN
		Tiada Maklumat	Tidak memuaskan	Sederhana	Sangat memuaskan	
Pengajaran dan pembelajaran	12. Penglibatan pelajar dalam forum/seminar/ pertandingan dll yang melibatkan isu pembangunan / perancangan semasa dan masa depan					
	13. Ke arah penghasilan pelajar yang holistik dengan ciri-ciri yang diperlukan seperti keusahawanan, jujur dan lain-lain					

4.9 LAPORAN PENILAIAN AKREDITASI

Laporan Penilaian Akreditasi menggariskan segala pandangan, penambahbaikan dan syor APP. Panel Penilai membuat keputusan setelah meneliti maklumat-maklumat yang dikumpulkan dan syor yang dikemukakan berdasarkan kepada maklumat-maklumat tersebut.

Laporan Penilaian Akreditasi tidak harus mengandungi sebarang pernyataan yang kabur dan tidak berasas. Pandangan yang tegas mesti dikemukakan secara mutlak dan elakkan ulasan yang berlebihan, ulasan terhadap individu dan tidak harus menyentuh standard yang tidak berkenaan.

Laporan Penilaian Akreditasi hendaklah menyentuh semua aspek yang berkaitan namun tidak perlu terlalu terperinci. Ianya perlu mengambil kira perkara berikut:

- i. Kesimpulan hendaklah ringkas dan tepat.
- ii. Kesimpulan hendaklah hanya berhubung dengan isu dan tidak mengandungi sebarang perincian proses.
- iii. Kesimpulan hendaklah:
 - a. mengambil kira tindakan penambahbaikan program PPT;
 - b. mengemukakan syor untuk menambah baik aspek-aspek yang tidak diliputi dalam Laporan Penilaian Kendiri; dan
 - c. mengemukakan ulasan membina terhadap tindakan penambahbaikan program yang boleh mendorong PPT berkaitan mencapai matlamat serta objektifnya.

4.10 PENILAIAN AKREDITASI

Selepas semakan dokumen dan lawatan akreditasi dijalankan, Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM hendaklah membuat suatu syor perakuan kepada LPBM. LPBM mempunyai hak untuk menerima atau pun menolak syor perakuan oleh Majlis Akreditasi Perancang Bandar LPBM. Keputusan akreditasi tertakluk kepada perakuan berikut:

- i. Pemberian status **Akreditasi Sementara** (untuk program baharu yang belum mula) oleh LPBM. LPBM boleh mengenakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh PPT sebelum pengendalian program dijalankan; atau
- ii. Pemberian status **Akreditasi Penuh** untuk tempoh tidak kurang dari empat (4) tahun dan tidak melebihi enam (6) tahun, dengan keperluan Audit Pematuhan yang akan dijalankan dalam tempoh yang ditentukan oleh LPBM; atau
- iii. Pemberian status **Akreditasi Penuh** untuk tempoh tidak kurang dari empat (4) tahun dan tidak melebihi enam (6) tahun, tanpa keperluan Audit Pematuhan. Namun, PPT hendaklah mengemukakan laporan penilaian pematuhan syarat yang telah ditentukan oleh LPBM dalam tempoh 2 tahun selepas perakuan akreditasi diberikan; atau
- iv. Tidak memperakuan **Akreditasi Sementara** atau **Akreditasi Penuh** dengan alasan bertulis.

LPBM mempunyai hak untuk menarik balik status akreditasi jika didapati maklumat atau perkara yang dikemukakan atau disediakan semasa proses penilaian akreditasi tidak benar.

4.11 RAYUAN

PPT boleh membuat rayuan rasmi kepada JK Rayuan terhadap keputusan akreditasi. Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari selepas menerima keputusan rasmi daripada LPBM. Proses rayuan seperti mana di Rajah 4.4. Semua rayuan boleh dibuat berdasarkan:

- i. Kandungan fakta laporan;
- ii. Kesilapan ketara dalam laporan; atau
- iii. Ketidaksamaan yang ketara antara laporan lisan akhir lawatan, laporan penilaian akhir dan keputusan LPBM.

4.12 KERAHSIAAN DAN KONFLIK KEPENTINGAN

Semua pihak yang terlibat dalam penilaian akreditasi tidak dibenarkan untuk mendedahkan dan menyebarkan sebarang maklumat berkenaan penilaian akreditasi kepada pihak ketiga. Ketidakpuasan ke atas keputusan LPBM tidak boleh disebarluaskan melalui media cetak, media internet, media sosial, politik dan lain-lain. Ini kerana, keputusan akreditasi oleh LPBM berdasarkan pertimbangan tanpa dipengaruhi oleh kuasa politik atau pengaruh pihak lain. APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM hendaklah bebas daripada konflik kepentingan dengan program yang dimohon atau dengan mengisyiharkan kepentingan/konflik yang dapat diterima oleh LPBM. APP Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM hendaklah tidak mempunyai konflik seperti berikut:

- i. Konflik peribadi termasuk permusuhan atau persahabatan baik dengan pihak berkepentingan PPT yang terlibat, atau mempunyai hubungan persaudaraan dengannya, atau panel penilai itu merupakan siswazah PPT berkenaan, atau sekiranya panel penilai menaruh perasaan prasangka yang keterlaluan terhadap PPT berkenaan akibat peristiwa lepas;

- ii. Konflik ideologi adalah berdasarkan pandangan dan sistem nilai yang berbeza. Contoh konflik sebegini ialah rasa tidak sehaluan seseorang panel penilai itu terhadap falsafah, jenis atau kecenderungan politik PPT berkenaan; dan
- iii. Konflik profesional mungkin berlaku sekiranya seseorang panel penilai itu pernah gagal dalam permohonannya untuk sesuatu jawatan dalam PPT berkenaan, sedang memohon, atau merupakan seorang calon untuk sesuatu jawatan di PPT tersebut. Konflik profesional juga mungkin berlaku dalam situasi di mana seseorang panel penilai itu merupakan seorang penasihat kanan, pemeriksa luar atau perunding PPT berkenaan atau bertugas di sebuah PPT lain yang merupakan pesaingnya.


4.13 BAYARAN FI

Bayaran fi hendaklah disertakan semasa permohonan dikemukakan kepada MQA.

Jadual 4.4: Kadar Bayaran Fi bagi Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh

PERKARA	AKREDITASI SEMENTARA	AKREDITASI PENUH	AUDIT PEMATUHAN
Program Pengajian Diploma – Aras 1 (Level 1)	RM 5,000.00	RM 8,000.00	Tiada bayaran
Program Pengajian Sarjana Muda – Aras 2 (Level 2)	RM 7,000.00	RM 11,000.00	Tiada bayaran
Program Pengajian Sarjana – Aras 2 Khas (Level 2 Special)	RM 7,000.00	RM 11,000.00	Tiada bayaran
Nota:			
1. Kos penyediaan dokumen, lawatan akreditasi (perjalanan dan penginapan APP) dan pengendalian akreditasi adalah di bawah tanggungjawab PPT sepenuhnya.			
2. Kadar bayaran Fi tertakluk kepada pindaan di masa akan datang.			

Rajah 4.4 : Carta Alir Proses Rayuan Akreditasi





MANUAL AKREDITASI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH

5.0 DOKUMEN AKREDITASI

PPT hendaklah mengemukakan dokumen yang berjilid dan softcopy kepada LPBM dengan merujuk kepada keperluan dan kandungan seperti yang dinyatakan di dalam Manual ini. PPT hendaklah menyediakan maklumat tambahan jika dimohon oleh MQA dan LPBM.

5.1 KANDUNGAN DOKUMEN

PPT perlu menyediakan dokumen yang mengandungi dua jilid seperti berikut:

Jadual 5.1: Kandungan Dokumen Jilid 1

Bab 1	Penilaian Kendiri Secara Kritikal (Self Assessment Report / Critical Self Appraisal)
1.	Pengenalan
2.	Latar Belakang Universiti <ul style="list-style-type: none"> i. Nama dan Alamat Institusi; ii. Nama dan Alamat Program; iii. Naib Canselor/ Rektor; iv. Dekan Fakulti; v. Ketua Jabatan/ Program; dan vi. Kakitangan.
3.	Penilaian Kritikal terhadap Objektif Program
4.	Ciri-ciri Khas (<i>niche area</i>)
5.	Kekuatan dan Kelemahan, termasuk kajian pasaran atau <i>tracer study</i>
6.	Perubahan yang diperkenalkan dan kesan terhadapnya
7.	Perancangan Masa Hadapan
8.	Kesimpulan

Bab 2	Maklumat Pengendalian Program
1.	Butiran Program <ul style="list-style-type: none"> i. Namakan program yang dipohon untuk diakreditasi; ii. Jelaskan matlamat PEO dan PLO program; iii. Tempoh Masa Program; iv. Jumlah dan Pengagihan Kredit; v. Kumpulan kursus: Teras, Wajib dan Elektif dan lain lain (<i>jelaskan butir-butir struktur kursus, dengan menggunakan rajah/jadual yang menunjukkan 'module title', 'credit weighting', compulsory subjects', dan lain-lain untuk subjek studio, asas makmal dan lain lain.</i>); vi. Bahasa perantaraan; dan vii. Penyepaduan antara teori dan projek studio

	Contoh Jadual tempoh program.																
	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th><th>Semester Panjang</th><th>Semester Pendek</th><th>Latihan Industri</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bilangan Minggu*</td><td>19</td><td>-</td><td>20</td></tr> <tr> <td>Bilangan Semester</td><td>5</td><td>-</td><td>1</td></tr> <tr> <td>Bilangan Tahun</td><td></td><td>3</td><td></td></tr> </tbody> </table>		Semester Panjang	Semester Pendek	Latihan Industri	Bilangan Minggu*	19	-	20	Bilangan Semester	5	-	1	Bilangan Tahun		3	
	Semester Panjang	Semester Pendek	Latihan Industri														
Bilangan Minggu*	19	-	20														
Bilangan Semester	5	-	1														
Bilangan Tahun		3															
	* Termasuk minggu ulang kaji dan minggu peperiksaan																
2.	<p>Penilaian Luar</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan polisi universiti/amalan PPT mengenai penglibatan pemeriksa luar atau penilaian luar dalam penilaian program; dan ii. Laporan tahunan untuk empat (4) tahun yang terkini hendaklah dilampirkan berserta senarai tindakan yang telah diambil oleh Jabatan/Pusat Pengajian. 																
3.	<p>Polisi Kemasukan dan Statistik Pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan polisi yang diamalkan mengenai kemasukan pelajar, kelayakan masuk, dan jumlah pelajar yang disasarkan; ii. Menjelaskan polisi pemindahan kredit; iii. Memberi butiran/bilangan pelajar-pelajar dari segi kelayakan masuk, jantina, warga negara/bukan warga negara (nyataan Negara)/bangsa; dan iv. Memberi penjelasan mengenai bilangan pelajar yang menarik diri, gagal atau mengulang bagi setiap tahun/semester. <p>Cohort statistics adalah bagi pelajar-pelajar yang mengikuti program selama empat (4) tahun kebelakangan.</p>																

Bab 3	Maklumat Organisasi Pengendalian Program
1.	<p>Struktur Organisasi</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memperjelaskan struktur organisasi jabatan/program yang mengelolakan program dalam konteks fakulti dan universiti secara keseluruhan; dan ii. Kualiti sistem pengurusan perlu dijelaskan dengan disokong oleh kajian maklum balas graduan.
2.	<p>Kakitangan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Senaraikan butiran bilangan/nama/status perjawatan pensyarah serta tugas pengajaran mereka, termasuklah pensyarah separuh-masa, pensyarah kontrak dan pensyarah jemputan. (Butir peribadi/CV hendaklah diberi dengan lengkap dalam Laporan Jilid 2); dan ii. Nyatakan keahlian-keahlian badan kakitangan akademik mengikut bilangan dan nama-nama organisasi.

	Status	Kelayakan akademik	Bilangan Kakitangan			
			TPr	Profesional lain	Bukan profesional	Jumlah
Sepenuh masa	PhD					
	Sarjana					
	Sarjana Muda					
	Diploma					
	Jumlah kecil					
Separuh masa	PhD					
	Sarjana					
	Sarjana Muda					
	Diploma					
	Jumlah kecil					
	Jumlah besar					

3.	Amalan dan Latihan Pensyarah/Tenaga Pengajar <ol style="list-style-type: none"> Jelaskan polisi universiti mengenai Amalan bagi pensyarah-pensyarah/tenga pengajar program; Jelaskan amalan-amalan jabatan/program mengenai Latihan Industri/Professional Attachment bagi pensyarah-pensyarah; dan Peratusan pensyarah mengikut trek pengajaran, penyelidikan, professional dan pengurusan (<i>jika berkaitan</i>).
4.	Penyelidikan dan Perundingan Pensyarah <ol style="list-style-type: none"> Terangkan aktiviti-aktiviti dalam penyelidikan dan perundingan selama 4 tahun kebelakangan, nama pensyarah yang terlibat, punca kewangan serta keterangan-keterangan lain yang berkaitan.
5.	Kemudahan dan Kelengkapan Peralatan Program <ol style="list-style-type: none"> Jelaskan dengan terperinci semua kemudahan dan kelengkapan yang sedia ada yang digunakan bagi menjalankan program, termasuklah bilik seminar, bilik kuliah, studio, perpustakaan, makmal, komputer, peralatan, dan lain-lain.

Jadual 5.2: Kandungan Dokumen Jilid 2

Bab 1	Kandungan Terperinci Kursus
1.	Deskripsi Kursus <ol style="list-style-type: none"> Kod Kursus; Tajuk Kursus; Jam Kursus; dan Pra Syarat.
2.	Hasil pembelajaran <ol style="list-style-type: none"> Pengetahuan; Kemahiran; dan Pemahaman.

3.	Objektif Kursus
4.	Sinopsis, Student Learning Time (SLT), kaedah penilaian dan segala maklumat kursus.
5.	Rujukan

Bab 2	Maklumat Pensyarah/ Tenaga Pengajar
1.	Kelayakan Akademik
2.	Kepakaran
3.	Kelayakan / Afiliasi
4.	Pelantikan / Status Perjawatan (sepenuh masa / separuh masa; dan status tetap /sementara / kontrak)
5.	Tugas Pentadbiran
6.	Penerbitan
7.	Kerja Perundingan/ Projek dan lain-lain

Bab 3	Penglibatan Pelajar
1.	PPT perlu menjelaskan: <ul style="list-style-type: none"> i. Perancangan untuk mendaftarkan semua pelajar dalam badan sebagai ahli pelajar MIP; ii. Penglibatan dalam aktiviti berkaitan perancangan bandar di dalam dan luar negara seperti pertandingan, seminari, penerbitan dan penyelidikan; dan iii. Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, sukarelawan, dan NGO.

Walau bagaimanapun, dokumen yang disediakan untuk penilaian Audit Pematuhan hanya memerlukan penekanan kepada perkara berikut:

- i. Bahagian A: Maklumat Umum Pemberi Pendidikan Tinggi;
(merupakan satu profil institusi Pemberi Pendidikan Tinggi)
- ii. Bahagian B: Maklumat Program; dan
(menghuraikan program, termasuk nama, peringkat, nilai kredit, tempoh pengajian, keperluan kemasukan, cara penyampaian dan badan penganugerahan)
- iii. Bahagian C: Standard Program.
(maklumat berhubung semua bidang penilaian dan standard pada setiap bidang)



URUS SETIA
LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA
d/a PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Aras 6, Blok F5, Parcel F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 Putrajaya
Telefon : 03 8091 0461
Emel : lembagaperancang@gmail.com
Laman Web: <https://www.ipbm.gov.my>